



Dr Mahathir melihat aktiviti murid sekolah bersama APM pada Majlis Perasmian Kompleks APM Daerah Langkawi, semalam.

APM tingkat jati diri belia

BH-25/2/2019 m/s:3

➔ PM mahu generasi muda digalakkan serta aktiviti sukarela

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi

Tun Dr Mahathir Mohamad mahu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) menarik lebih ramai generasi muda menyertai pasukan sukarela itu sebagai lang-

kah membentuk golongan itu menjadi lebih berkemahiran, berdisiplin dan memiliki jati diri tinggi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa menyokong usaha membawa lebih ramai rakyat menyertai APM kerana tenaga anak muda amat diperlukan ketika negara berhadapan bencana.

"Saya menyokong, menggalakkan anak muda menyertai APM kerana semangat sukarela yang ada dalam pasukan ini cukup baik disemai bagi membentuk jati diri.

"Pasukan ini dapat menyemai sifat bertanggungjawab, tidak mementingkan diri, berani, berdisiplin, setiakawan dan berdikari dalam kalangan ahlinya," katanya pada Majlis Perasmian Kompleks APM Daerah Lang-

kawi di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata APM juga dilihat mampu membentuk anak muda memiliki kesedaran dan tidak mudah terpengaruh dengan anasir buruk, malah boleh mempengaruhi teman sebaya mereka mengamalkan sifat mulia.

Bantu ringan beban rakyat

"Anak muda yang menyertai APM juga mampu membantu dan meringankan beban rakyat apabila mereka menghadapi kesukaran atau bencana yang berlaku tanpa mengenal waktu.

"Jadi, cabaran bagi APM yang cergas dan wujud sejak tahun 1952 lagi ialah berusaha mengajak anak-anak muda yang kelihatan tidak berminat, tertarik menyertai pasukan ini," katanya.

Pada majlis yang sama, Mahathir turut mendedahkan beliau pernah menyertai pasukan sukarela umpama APM iaitu Civil Defence Corps pada awal tahun 1950-an.

"Ketika itu, Tanah Melayu baru pulih dari Perang Dunia Kedua dan saya ditempatkan dalam bahagian Fire Auxiliary Service (FAS).

"Dalam pasukan itu, saya tidak hanya belajar memadamkan kebakaran tetapi juga belajar mengendalikan bom pembakar atau dipanggil 'incendiary bomb'," katanya.

Menurutnya, risiko paling besar mengendalikan bom itu adalah apabila ia tidak meletup, maka beliau dan rakan yang berkhidmat dalam FAS akan diarah mengambil bom terbabit untuk dimusnahkan.